

MELAKA: Mulai 2010, semua jenis ubat dan barang kosmetik diimport dari negara Asean tidak perlu mendaftar dengan Kementerian Kesihatan, sebaliknya hanya membuat laporan terus kepada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, berkata keputusan itu berdasarkan Perjanjian Perdagangan Bebas Asean (AFTA), susulan persetujuan semua kerajaan negara Asean baru-baru ini.

Katanya, langkah itu bagi memudahkan pengamal perubatan serta peniaga produk penjagaan kesihatan membawa masuk semua jenis ubat dibenarkan dijual di negara ini tanpa perlu mendaftar kali kedua dengan kementerian.

"Menerusi peraturan berkenaan, peniaga tidak perlu lagi mendaftar di mana-mana negara Asean, sebaliknya hanya menunjukkan surat kebenaran yang dikeluarkan kerajaan negara pengeluar kepada BPFK sebagai pengesahan barang itu dibenarkan dieksport ke negara ini.

"Sebagai contoh, kalau bahan itu sudah didaftar di Indonesia, maka tidak perlu lagi mendaftarkannya di Malaysia," katanya selepas merasmikan kilang ubat Xepa-Soul Pattison (M) Sdn Bhd bernilai RM26 juta di kawasan seluas dua hektar di Taman Perindustrian Cheng, Malim Jaya, dekat sini semalam.